

Newspaper : Utusan Malaysia
 Date : 20th October 2010
 Title : The Haven ubah perspektif Ipoh
 Section : Bisnes Page :

The Haven ubah perspektif Ipoh

KUALA LUMPUR 19 Okt. – Pembinaan kondominium termahal di Ipoh, The Haven, dijangka bakal mengubah perspektif ibu negeri Perak itu yang selama ini dipinggirkan dalam pembangunan.

Ketua Pegawai Eksekutif Superboom Projects, Peter Chan berkata, The Haven akan muncul sebagai projek ikonik di negeri itu, sekali gus meningkatkan sektor hartanah dan meletakkan penanda aras baru bagi sektor itu khususnya di Ipoh.

The Haven, bakal dibangunkan bersama Bina Puri Holdings Bhd. dan Beijing Construction Engineering Group (BCEG) dengan nilai pembangunan kasar sebanyak (GDV) RM250 juta.

Kondominium mewah yang terletak di Tambun, Ipoh itu merangkumi tiga blok bangunan 26 tingkat yang menawarkan 489 unit termasuk sekurang-kurangnya enam penthouse.

Menariknya, The Haven bukan sahaja

kondominium paling berprestij tetapi juga menawarkan lokasi terbaik yang dikelilingi persekitaran batu kapur unik dan menarik di Perak.

Katanya, blok A sudah 80 peratus dijual manakala blok C pula 20 peratus dan kerja-kerja awal bagi blok B akan dimulakan tidak lama lagi.

Harga kediaman yang ditawarkan daripada serendah RM300,000 seunit sehingga RM1.6 juta, berdasarkan harga RM338 sekaki persegi.

Mengulas mengenai harga kediaman yang tinggi itu, Peter berkata, beliau tidak menafikan harga tanah di Ipoh masih rendah berbanding di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Bagaimanapun, katanya, Superboom Project mendapatkan kontraktor dan arkitek terbaik untuk menghasilkan projek itu, setanding kualiti hartanah di Lembah Kelang.

“Memang harga tanah di Ipoh murah, lapan kali ganda lebih rendah berbanding di Kuala Lumpur tetapi kami membawa teknologi dan kepakaran yang sama dari Kuala Lumpur untuk memastikan The Haven menjadi projek ikonik.

“Jadi, sekiranya mutunya setanding, isu tanah murah tidak timbul kerana kualiti menjadi keutamaan dalam membeli hartanah,” ujarnya.

Tambahnya, kediaman pajakan selama 99 tahun itu dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 30 bulan.

Sejajar dengan kedudukannya sebagai kondominium paling mewah di Ipoh, The Haven menawarkan pelbagai kemudahan seperti rumah kelab, gimnasium, kolam renang, spa, taman kanak-kanak dan tempat letak kereta.

Pemaju turut menawarkan laluan jogging di kawasan hutan buatan sendiri, yang dikelilingi tasik sedia ada.

THE Haven yang dikelilingi persekitaran batu kapur mampu menarik minat pembeli.



Subject : Bina Puri News Update

“FOR STAFF INFORMATION & UPDATES”